

FEDAC SYRUP

Tripolidine HCl 1.25mg/5ml, Pseudoephedrine HCl 30mg/5ml

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Fedac
2. Bagaimana Fedac berfungsi
3. Sebelum mengambil Fedac
4. Cara menggunakan Fedac
5. Semasa menggunakan Fedac
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Fedac
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Fedac

Fedac digunakan untuk melegakan simptom-simpptom selesema dan alahan termasuk hidung berair, mata berair, hidung tersumbat dan sinus tersekat.

Bagaimana Fedac berfungsi

Fedac mengandungi *pseudoephedrine hydrochloride*, yang merupakan dekonjestan yang melegakan hidung dan sinus tersumbat dan *triprolidine hydrochloride*, sejenis ubat antihistamina yang membantu menghentikan bersin, hidung berair dan mata berair.

Sebelum mengambil Fedac

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Fedac jika:

- anda alah (hipersensitif) kepada *pseudoephedrine hydrochloride*, *triprolidine hydrochloride*, atau bahan-bahan lain dalam ubat.
- anda mempunyai tekanan darah yang sangat tinggi atau penyakit jantung yang teruk.
- anda mengambil ubat untuk kemurungan yang dikenali sebagai *Monoamine Oxidase Inhibitors* (MAOIs) dalam masa dua minggu yang lepas.
- anda mempunyai tiroid yang terlalu aktif (tiroid menghasilkan terlalu banyak hormon tiroid)
- Anda mengandung, ingin hamil, atau sedang menyusukan bayi
- Anda mengambil minuman beralkohol.

Sebelum mula mengambil

Anda perlu beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Fedac jika:

- anda hamil atau sedang menyusukan anak.

Jika anda tidak pasti mana di atas berkenaan dengan anda, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Fedac.

Kanak-kanak

- Tidak boleh digunakan pada kanak-kanak kurang daripada 2 tahun.
- Gunakan dengan berhati-hati atas nasihat doktor atau ahli farmasi untuk kanak-kanak 2-6 tahun.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi, termasuk:

- Sedatif (ubat yang digunakan untuk merawat keresahan dan ketegangan).
- Ubat simpatomimetik (ubat perangsang atau penahan selera makan dan ubat yang digunakan untuk merawat hidung tersumbat dan asma).

Cara menggunakan Fedac

Berapa banyak harus diambil

Dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun:

2 sudu teh (10ml) 3 kali sehari.

Kanak-kanak 6 - 12 tahun:

1 sudu teh (5ml)

Kanak-kanak 2-5 tahun:

½ sudu teh (2.5ml)

Dos-dos perlu diambil 3 kali sehari.

Bila perlu diambil

Ambil Fedac pada masa yang sama setiap hari. Jika anda tidak pasti, periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu diambil

Sentiasa mengambil Fedac tepat seperti yang doktor anda telah beritahu anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil dos anda, ambilkannya secepat mungkin apabila anda ingat. Ambil dos seterusnya pada masa yang tepat. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda (atau orang lain) telah mengambil banyak sirap pada masa yang sama, atau anda mengesyaki kanak-kanak mungkin menelannya, hubungi jabatan kecemasan hospital yang terdekat atau beritahu doktor anda dengan segera.

Gejala terlebih dos termasuk:

- kegelisahan
- Kecelaruhan (keadaan kekeliruan yang teruk secara tiba-tiba)
- Gegaran otot

Semasa menggunakan Fedac

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Fedac selama yang doktor anda mencadangkan. Jika simptom-simpptom masih berterusan atau tidak bertambah baik selepas beberapa hari, sila berjumpa dengan doktor.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berikan Fedac kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.
- Jangan mengambil Fedac untuk merawat sebarang simptom lain melainkan jika ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.
- Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

FEDAC SYRUP

Tripolidine HCl 1.25mg/5ml, Pseudoephedrine HCl 30mg/5ml

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

Anda mungkin berasa mengantuk selepas mengambil ubat ini. Jika ini berlaku, jangan memandu atau menggunakan mana-mana alat atau mesin. Elakkan minuman beralkohol.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Fedac boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda, termasuk:

- rasa mengantuk
- kekeringan mulut
- ketakutan
- kegelisahan
- masalah tidur

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut jika anda mengalami kesan sampingan yang lain yang membimbangkan anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Fedac

Penyimpanan

Simpan ubat jauh daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 25°C dan lindungi dari cahaya.

Pelupusan

Jangan makan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya.

Sila pulangkan sirap yang belum digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan sirap jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang

ubat tersebut di dalam air atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Sirap berwarna kuning jelas, rasa manis dengan perisa oren.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi 1.25ml *Tripolidine HCl* dan 30mg *Pseudoephedrine HCl*.

Bahan-bahan tidak aktif

Methyl hydroxybenzoate, Propyl hydroxybenzoate, sodium citrate dihydrate, granulated fine white sugar, FDC Yellow No.6 water soluble 40%-44%, glycerin, essence of orange sweet P97, quinoline yellow E104 water soluble 70%, sodium saccharin, citric acid monohydrate, sodium carboxymethylcellulose, purified water

Nombor MAL

MAL19900593A

Pengilang

Drug Houses of Australia Pte. Ltd.

#09-01/02 Haw Par Tiger Balm Building,
No. 2, Chia Ping Road,
Singapore 619968

Pemegang

Pendaftaran

Produk

Actavis Sdn Bhd

Unit 304, Level 3, Uptown 2,
No 2, Jalan SS21/37, Damansara
Uptown, 47400 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

13-01-2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)130115/00015